

C03 KERJA MEMBINA STRUKTUR LANDSKAP
WA2-BINA STRUKTUR KONKRIT LANDSKAP

NAMA : _____

TAJUK: MEMBINA STRUKTUR KONKRIT

Latihan 1

Padankan jawapan betul pada kenyataan yang diberikan.

JENIS-JENIS SIMEN

Simen yang digunakan untuk kegunaan-kegunaan tertentu seperti melepa, membuat jubin dan sebagainya boleh didapati dalam berbagai warna.	●	●	Simen Putih
Simen jenis ini digunakan dalam kerja-kerja kemasan seperti membuat terazo, melepa dan sebagainya.	●	●	Simen Berwarna
Simen jenis ini adalah jauh berbeza daripada simen Portland biasa dari segi komposisi dan sifat-sifatnya. Ia mengandungi lebih banyak alumina	●	●	Simen Lebih Alumina
Simen ini digunakan untuk pembinaan jasad atau struktur konkrit yang besar seperti empangan, tembok penahan, tembok landasan bagi jambatan kerana boleh mencegah berlakunya keretakan.	●	●	Simen Cepat Membeku
Simen jenis ini mula membeku 5 minit selepas dibancuh dengan air dan boleh mengeras dalam tempoh 30 minit.	●	●	Simen haba rendah
ia digunakan pada tempat-tempat dimana kekuatan yang cepat diperlukan. Kekuatannya dicapai pada umur 4 hari.	●	●	Simen Portland biasa
paling meluas digunakan, baik untuk kerja-kerja konkrit, mahupun untuk kerja-kerja melepa atau menerap bata.	●	●	Simen Cepat Mengeras

Latihan 2

Pilih dan letakkan jawapan pada kenyataan yang tepat.

Air	Simen	konkrit	mortar
-----	-------	---------	--------

1. Pasir adalah komponen utama dalam _____ dan juga komponen kedua terpenting dalam pembuatan konkrit.
2. Batu baur adalah komponen utama dalam pembinaan struktur _____. Ia memainkan peranan yang penting dalam proses membancuh konkrit.
3. _____ bertindak balas dengan air dan menjadi bahan pengikat komponen-komponen konkrit.
4. Konkrit mengeras dan membeku dengan kehadiran _____. Sifat ini penting dalam pembinaan, terutama pembinaan asas pada tempat yang basah.

Latihan 3

Tonton video

